☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 31/5/2012
Hari: Khamis M/S: 8,9
Ruangan: Sambungan

"Pelaksanaan ICoE memerlukan komitmen dan dedikasi semua pihak khususnya pihak industri dan universiti bagi memastikan perkongsian pintar ini mampu menguntungkan banyak pihak. Dalam kata lain, ICoE adalah landasan terbaik dalam perkongsian ilmu, pencetus inovasi, mewujudkan amalan terbaik dan sumber maklumat bersistematik bagi perancangan sumber manusia," katanya.

Tahun lalu, KPT melancarkan empat ICoE iaitu dua dalam bidang elektrik dan elektronik membabitkan kerjasama Infineon Kulim Kedah dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Infineon Melaka - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Dua lagi ICoE dalam bidang automotif membabitkan Sapura Industrial dan Miyazu bersama Universiti Malaysia Pahang (UMP), masing-masing dalam pengkhususan sistem suspensi dan die & mould.